



**KAEDAH PENYERAHAN BARANG MAKANAN DAN BARANG KEPERLUAN  
DI KAWASAN PKPD: PANGSAPURI MUTIARA KASIH (PMK) DAN TAMAN  
KHAZANAH INDAH (TKI), DAERAH LAHAD DATU**

KAWASAN TERLIBAT	TEMPOH BERKUAT KUASA	PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		AKTIVITI		
1. Pangsapuri Mutiara Kasih, Lahad Datu 2. Taman Khazanah Indah, Lahad Datu	13 Oktober 2020  Hingga  26 Oktober 2020	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ahli keluarga dan NGO yang berada di luar kawasan PKPD dibenarkan menyerahkan barang makanan (kering &amp; basah) serta barang keperluan kepada ahli keluarga yang tinggal di kedua-dua kawasan PKPD melalui JKM pada setiap hari Selasa &amp; Jumaat setiap minggu sebelum jam 11.30 pagi Sekiranya lambat tidak akan dilayan.</li> <li>2. Barang-barang makanan dan keperluan hendaklah diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk diagihkan kepada ahli keluarga yang terlibat.</li> <li>3. Setiap barang yang hendak diserahkan hendaklah dicatat nama, alamat, dan nombor telefon penerima dengan lengkap.</li> <li>4. JKM akan menyediakan tempat mengikut kawasan dan blok.</li> <li>5. Tempat pengumpulan Barang adalah di PKOB Lahad Datu (Pejabat Daerah Lahad Datu).</li> <li>6. Penghantaran ke PMK &amp; TKI akan dilakukan oleh JKM Lahad Datu pada jam 12.00 tengah hari.</li> <li>7. Bagi penduduk di PMK, hanya 4 wakil bagi setiap blok iaitu setiap tingkat diwakili oleh 1 wakil. Wakil ini akan membantu JKM menyerahkan barang berkeraan kepada penerima di tingkat yang mereka wakili.</li> <li>8. Bagi penduduk di TKI, bantuan akan dihantar ke rumah masing masing. Tidak dibenarkan keluar dari pagar rumah.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penduduk PMK dan TKI tidak dibenarkan berkumpul semasa pengagihan barang keperluan dijalankan.</li> <li>2. Mana-mana orang tidak dibenarkan masuk ke Kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM</li> </ol>	